

**Ulama PAS cadang presiden dan timbalan di kalangan mereka
Malaysian Insider
Sept 15 , 2013**

Multaqa Ulamak Se-Malaysia yang dianjurkan oleh PAS semalam membuat usul agar kedua-dua jawatan penting dalam PAS iaitu presiden dan timbalan presiden sewajarnya daripada kalangan ulama yang memahami dan faqih tentang islam dan realiti semasa.

Jawatan-jawatan lain juga termasuk naib-naib presiden juga turut perlu dipertimbangkan daripada kalangan ulama dengan gandingan bersama golongan profesional dan aktivis.

Usul ini diputuskan oleh multaqa atau perhimpunan ulama yang dianjurkan oleh Dewan Ulama PAS di Komplek PAS Kedah, Alor Setar semalam.

Hampir 1,000 ulama PAS dari seluruh negara menyertai perhimpunan itu termasuk Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang membuat ucapan penutupnya.

Multaqa juga turut mencadangkan supaya tahaaluf siyaasi bersama rakan-rakan Pakatan Rakyat khususnya PKR disemak semula oleh Majlis Syura Ulamak dan Jawatankuasa PAS Pusat melalui kuasa yang ada bagi tujuan menjaga masalah dan membendung serta menghalang mafsadah Syar'iyah.

Sebelum itu, dalam buku ucapannya, Ketua Dewan Ulama PAS, Datuk Harun Taib dalam ucapatanya mencadangkan perkara ini.

Ini ekoran rasa tidak puashati mereka dalam kerjasama dengan Pakatan Rakyat itu, khusus PKR.

Multaqa itu juga mengambil ketetapan mencadangkan kepada PAS Pusat supaya melakukan analisa yang menyeluruh dan telus serta mengemukakan analisa bagi tujuan untuk menilai prestasi PRU13 untuk lonjakan PRU14.

Di samping itu, mereka menyarankan kepada semua kerajaan negeri di bawah PR supaya memberi ruang yang munasabah dan bersesuaian kepada ulama haraki PAS yang berkelayakan supaya dapat melibatkan diri mereka di dalam urusan pentadbiran dan pemerintahan. - 15 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ulama-pas-cadang-presiden-dan-timbalan-di-kalangan-ulama>